

PM: JANGAN KEJAR UNTUNG BESAR

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pemaaju-pemaju perumahan supaya jangan terlalu mengejar keuntungan besar, sehingga mengeneipkan kepentingan rakyat dan negara.

Perdana Menteri seterusnya menyeru Persatuan Pemaaju Perumahan Malaysia (HDA) memikirkan dan memberi tempat kepada etika profesion dan kepentingan rakyat.

Dalam memuji HDA

kerana sudah menunjukkan minat untuk bersikap lebih bertanggungjawab kepada masyarakat, Datuk Seri Dr. Mahathir juga menekankan bahawa matlamat kerajaan dan rakyat dalam sektor perumahan belum tercapai sepenuhnya.

Ketika berucap di majlis makan malam tahunan HDA malam ini, Perdana Menteri berkata: "Memang benar banyak masalah pentadbiran yang mengganggu pembinaan rumah oleh pemaaju-pemaju tapi kerajaan sedia berunding dan memutuskan mana yang salah.

"Tetapi pihak Persatuan pula mestilah cuba mengatasi setengah masalah ini dengan sendiri."

Perdana Menteri juga menyatakan kerajaan menganggap pihak swasta sebagai "rakan dalam pembangunan". Oleh itu, segala halangan bukanlah menjadi dasar kerajaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap satu pertalian bekerja yang baik akan wujud antara kerajaan dengan HDA.

Bila menyentuh berkenaan matlamat sesuatu persatuan serta perlunya

kesatuan itu mengambil kira kepentingan masyarakat, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Saya berharap sikap dan pendirian persatuan-persatuan di Malaysia akan diasaskan mengikut amalan dasar dan prinsip kesatuan-kesatuan di Barat, memandangkan kebaikan yang didapati dari amalan ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyatakan setiap profesion memerlukan etika kerja yang digubal oleh profesion itu sendiri, untuk menjaga imej dan kehormatan profesion itu.